

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 21 OGOS 2019

MUKA SURAT: 8

Pengerang disasar bandar pintar dalam tempoh lima tahun lagi

Putrajaya: Pengerang di Johor disasarkan menjadi bandar pintar dalam tempoh lima tahun akan datang, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Beliau berkata, satu kawasan seluas 121 hektar di selatan daerah itu telah dikhususkan sebagai zon bandar pintar yang setiap pembangunannya perlu mematuhi garis panduan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia yang dilancarkan kerajaan pada September tahun lalu.

Selain Pengerang yang dinaik taraf menjadi Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) pada 11 November 2019, lima bandar lain yang disenaraikan sebagai bandar perintis menjayakan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia ialah Kuala Lumpur; Kota Kinabalu, Sabah; Johor Bahru, Johor; Kuching, Sarawak dan Kulim, Kedah.

Berbanding Pengerang, Zuraida berkata, perubahan lima bandar lain ke arah menjadi bandar pintar dilaksanakan secara berperingkat kerana perlu mengambil kira keadaan infrastruktur sedia ada di bandar terbabit seperti sistem jalan raya serta lampu isyarat.

"Berbanding bandar lain, Pengerang sebagai kawasan pembangunan baharu dirangka melalui perancangan strategik ke arah menjadi bandar pintar, bermula dengan aspek penyediaan infrastruktur. Perancangan kawasan 300 ekar (121 hektar) itu dibuat secara menyeluruh," katanya pada sidang media selepas majlis pelepasan dua kenderaan berkuasa elektrik untuk kegunaan MPP di sini, semalam.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, ketika melancarkan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia itu dilaporkan berkata kepentingan ke arah menjadikan Malaysia sebagai bandar pintar antara perkara yang menjadi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

BERNAMA